

20 AUG 2001

Aziz-Akujanji

AKUJANJI BUKAN SESUATU YANG MEMBERATKAN GURU, KATA AZIZ

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Cadangan melaksanakan akujanji sebagai syarat kontrak perkhidmatan guru sekolah kerajaan bukan sesuatu yang memberatkan atau yang boleh memalukan profesion perguruan, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin hari ini.

Beliau hairan mengapa perkara itu menjadi kontroversi sedangkan ia mempunyai tujuan yang baik bagi profesion perguruan serta masyarakat terutama untuk masa depan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu di sini, beliau berkata cadangan itu timbul kerana terdapat sebahagian kecil guru yang didapati menentang kerajaan.

"Sungguhpun bilangan itu kecil namun ini tidak boleh dianggap tidak berbahaya kerana ia umpama api yang perlu dipadamkan ketika masih kecil," katanya.

Aziz berkata demikian ketika mengulas pendirian Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan Cuepacs yang menolak cadangan itu kerana berpendapat peraturan tatatertib sedia ada sudah memadai bagi kakitangan awam termasuk guru menjalankan tugas dengan baik dan setia kepada kerajaan.

Aziz tidak menafikan peruntukan dalam Perintah Am mengenai tatatertib kakitangan perkhidmatan awam tetapi katanya kebanyakan kakitangan awam termasuk guru memandang remeh peraturan itu dan tidak menandatangani.

Oleh itu, katanya peraturan itu bukan sahaja perlu disematkan di kertas, tetapi juga di mata, tangan dan hati setiap guru supaya mereka sentiasa ingat tentang perjanjian yang telah mereka tandatangani bagi keselamatan diri, keluarga dan negara.

"Salahkah kita (kerajaan) mengusulkan sesuatu yang baik dan apakah surat akujanji itu merupakan sesuatu yang berat dan memalukan?" tanya beliau.

Aziz berkata cadangan itu merupakan lanjutan daripada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa pensyarah dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan kerajaan bagi menentukan pelaburan besar yang dibuat dalam bidang pendidikan tidak sia-sia.

Mengenai laporan kejadian murid tahun dua sebuah sekolah di Taiping melakukan seks oral dalam kelas, Aziz berkata ia membuktikan bahawa pengaruh cakera padat video (VCD) lucah ternyata merosakkan moral generasi muda.

Aziz kesal dengan sikap ibu-bapa kanak-kanak itu kerana tidak segan silu menonton VCD lucah di hadapan anak mereka dan berkata sikap demikian hanya akan merosakkan masa depan anak mereka sendiri.

Beliau berharap pihak berkuasa serta masyarakat akan berusaha membanteras gejala VCD lucah bagi memelihara moral generasi muda supaya mereka dapat menjadi warganegara yang berdisiplin dan berhemah tinggi pada masa depan.

Mengenai saranan Setiausaha Agung NUTP Datuk N.Siva Subramaniam supaya kerajaan mengkaji semula sistem pendidikan menerusi penubuhan Suruhanjaya Diraja, Aziz berkata sistem pendidikan tidak boleh dianggap gagal kerana ia telah berjaya melahirkan ramai graduan yang bermutu.

Beliau berkata kementerian sentiasa meneliti sistem yang ada dan membuat perubahan jika difikirkan perlu.

Beliau juga menyarankan Siva berbincang dengan Kementerian mengenai cara membaiki sistem pendidikan sedia ada dan bukan hanya membuat kenyataan

menerusi media.
-- BERNAMA
AKT AHH LAT